

BAHAGIAN KEDUA

Oleh SAHIDAN JAAFAR  
pengarang@utusan.com.my

**I**DEA penubuhan Malaysia oleh Baba Kemerdekaan Negara dan Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra merupakan suatu gagasan unik yang berjaya dijemakan menjadi kenyataan melalui kesepakatan yang dihasilkan melalui 'perdebatan dan perbincangan', 'inkuiri' dan 'pungutan suara' yang diadakan selama dua setengah tahun.

Tokoh politik veteran, Tengku Razaleigh Hamzah dalam teks ucapannya bertajuk "Cerita Mengenai Penubuhan Malaysia" di forum Anjuran Angkatan Amanah Merdeka Malaysia Cawangan Sabah di Kota Kinabalu pada 29 November 2013 menyatakan, Tunku berasa bangga kerana Malaysia telah ditubuhkan 'melalui kesepakatan hasil dari perbincangan dan perdebatan yang berlaku dalam suasana yang mesra dan penuh tolak ansur'.

Tunku juga yakin bahawa kerjasama, kerukunan dan kesepakatan yang wujud didorong oleh keinginan rakyat dan pemimpin untuk berkongsi nasib dan haluan yang sama.

"Jasa Tunku dan pemimpin-pemimpin lain dalam menubuhkan Malaysia mesti dihargai dan wajar untuk kita memastikan hasrat dan keinginan serta kesepakatan yang menjadi asas kepada penubuhan Malaysia dijaga dan dipertahankan"



TUN FUAD STEPHENS



# Gagasan Tunku lahirkan Malaysia

judkan rancangan membawa Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak ke dalam satu bentuk kerjasama ekonomi dan politik yang rapat dan dikenali sebagai 'Persekutuan Malaysia'.

Tunku menyatakan, antara lain kerjasama itu akan menyekat pengaruh komunis yang semakin ketara dan boleh menggugat kestabilan politik serantau.

Di samping itu,

waktu itu untuk membebaskan kawasan jajahan walaupun terdapat kekhawatiran mengenai kemungkinan rancangan itu ditentang oleh pemimpin-pemimpin tempatan di ketiga-tiga wilayah Borneo.

"Kekhawatiran ini terbukti betul apabila Sarawak United Peoples Party, Partai Rakyat Brunei dan United National Kadazan Organisation mem-bentuk Barisan Bersatu untuk menolak penubuhan itu dengan kenyataan bahawa cadangan itu 'tidak dapat diterima sama sekali'.

"Sikap yang sama juga di-

**AKHBAR Utusan Melayu** memaparkan berita utama di muka hadapannya bertajuk **Tunku Terharu Seluruh Rakyat Malaysia Gembira Lahirnya Negera Baharu** terbitan 17 September 1963.



ti-kan penjajahan British" (Tengku Razaleigh Hamzah 2009: 6).

Untuk menangani peno-lakan ini, Tunku melawat Sarawak dan Borneo Utara

"Jawa-tankuasa ini dipertang-gungjawabkan untuk men-erangkan dengan lebih jelas

dipertahankan.”  
(Tengku Razaleigh Hamzah 2009: 5)

Menurut Tengku Razaleigh, impian Tunku untuk menjelmakan sebuah negara baharu bernama ‘Malaysia’ hanya bermula pada 1 Mei 1961 di Hotel Delphi Singapura apabila beliau melahirkan satu gagasan tentang keperluan mewu-

gagasan itu juga akan dapat mengimbangi komposisi kaum penduduk, meningkatkan kemajuan ekonomi dan mempercepatkan proses kemerdekaan bagi Singapura, Brunei, Borneo Utara dan Sarawak.

Cadangan itu diterima baik oleh Great Britain yang selaras dengan sikap mereka pada

ambil oleh Sarawak National Party dan rekod sejarah juga mencatatkan penolakan dari kalangan orang-orang di pedalaman Borneo Utara. Pada peringkat ini, terdapat juga pemikiran bahawa rancangan penubuhan Malaysia adalah merupakan suatu helah untuk meluaskan kuasa Tanah Melayu bagi menggan-

Sarawak dan Borneo Utara pada bulan Julai dan Ogos 1961 untuk memenangi hati dan pemikiran masyarakat dengan menjelaskan secara terperinci rancangan penubuhan Malaysia dan manfaat penubuhannya.

Pada masa yang sama, pemimpin-pemimpin tempatan di Sarawak pula telah dihantar untuk menyertai Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel untuk membincangkan secara bersemuka mengenai konsep Malaysia secara lebih terperinci dengan rakan-rakan dari Tanah Melayu dan Singapura.

“Kesepakatan mengenai penubuhan Malaysia dicapai pada Julai 1961 apabila pemimpin-pemimpin ini bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia yang dipengerusikan oleh Donald Stephens (Tun Fuad Stephens).

erangkan dengan lebih jelas tentang konsep Malaysia kepada orang ramai, khususnya penduduk Sabah, Sarawak dan Brunei” (Tengku Razaleigh Hamzah 2009)

Jawatankuasa itu bersidang sebanyak empat kali dan pada mesyuarat terakhir di Singapura pada Februari 1962, mereka mengemukakan memorandum supaya dibuat tinjauan mengenai pandangan penduduk Sarawak dan Borneo Utara terhadap penubuhan Malaysia.

Memorandum tersebut telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Cobbold yang telah ditubuhkan untuk menentukan sama ada rakyat Borneo Utara dan Sarawak menyokong penubuhan Malaysia.

■ **ESOK: Perjanjian ‘20/18 Perkara’ untuk Sabah, Sarawak**

Sumber: Pusat Maklumat Utusan

